

06 MAR 2000

Mahathir-Dana Rantau Asia

DANA RANTAU ASIA BOLEH BANTU SELESAI MASALAH KEWANGAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Sebuah Dana Serantau Asia, yang patut dilangani oleh semua negara menurut kemampuan masing-masing, boleh membantu negara-negara yang menghadapi masalah sebenar kewangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata masalah kewangan sesuatu negara itu mungkin disebabkan pengurusan yang buruk, terlalu banyak pinjaman asing atau prestasi lemah oleh ekonomi dunia yang menjejaskan eksport.

"Pada peringkat itu, dana itu boleh masuk dan para pengurus dana boleh menasihati bagaimana menyelesaikan masalah itu.

"Nasihat itu tidak seharusnya seragam seperti yang ditawarkan oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF)," kata Perdana Menteri di dalam satu artikel bagi edisi Mac Mainichi Shimbun, sebuah kumpulan akhbar Jepun.

Menyatakan sokongan bagi sebuah dana serantau, beliau berkata, "kita mempunyai keupayaan untuk melakukan itu. Kita mempunyai pengalaman yang cukup. Kita boleh mengelakkan negara-negara daripada muflis."

Dr Mahathir berkata bahawa kegagalan mana-mana negara di rantau ini boleh menjejaskan keseluruhan rantau dan "kita perlu menyelamatkannya dengan serta-merta."

"Kita mesti mengenali tanda-tanda bakal kemelesetan ekonomi dan cuba menghalangnya.

"Terdapat petunjuk-petunjuk yang mencukupi untuk membantu kita meramal kelembapan ekonomi dan kita harus mempunyai pakar-pakar kita sendiri berinteraksi bersama-sama. Maka dengan itu ia akan berjaya," katanya.

Perdana Menteri juga berkata dana itu tidak harus dikaitkan dengan rapat dengan Jepun dan patut ditempatkan di sebuah negara lain.

"Cara itu, orang tidak akan berkata ia adalah dana Jepun tetapi dana serantau. Jika dana itu ditempatkan di sebuah negara sedang membangun, ia akan membantu pembangunan negara itu.

"Dana itu akan menarik banyak aktiviti, termasuk banyak pelawat ke negara itu," katanya.

Dr Mahathir juga dipetik sebagai berkata di dalam artikel itu bahawa dana serantau seumpama itu tidak akan menjejaskan IMF atau Bank Dunia.

Lagipun, katanya, Bank Pembangunan Asia dan bank-bank pembangunan serantau lain tidak menjejaskan Bank Dunia.

"Idea bahawa harus ada cuma satu dana bagi seluruh dunia adalah tanpa sebarang asas yang sihat.

"Jika terdapat cukup wang, kita bolehlah mempunyai beberapa dana.

"Dana-dana seumpama itu harus digunakan untuk membantu negara-negara dalam masalah kewangan dan tidak harus untuk mempromosikan sebarang agensi politik sebarang negara," katanya.

Sementara itu, mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata ia tidak harus digunakan sebagai satu alasan untuk menghapuskan aktiviti ekonomi negara.

Katanya dunia kaya satu hari akan memaksa bursa-bursa saham negara ditutup dan menggantikannya dengan sebuah bursa saham berpangkalan di Wall Street.

Dagangan saham melalui Internet telah menunjukkan bahawa ini mungkin berlaku, katanya, sambil berkata bahawa setiap aktiviti perniagaan akan dikawal oleh syarikat-syarikat yang amat kuat yang sebaliknya dikuasai orang-orang kaya.

Sambil berkata bahawa orang tidak bersedia untuk menerima idea-idea yang didesak oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), beliau berkata bahawa

amalan mengadakan mesyuarat yang tidak terbuka tetapi terhadap kepada segelintir negara adalah tidak boleh diterima.

"Kami percaya bahawa globalisasi patut ditafsir semula. Kenapa globalisasi terhadap kepada aliran wang dan hak syarikat-syarikat beroperasi di seluruh dunia tanpa halangan?

"Mengapakah syarikat-syarikat ini bergabung dan memiliki syarikat-syarikat lain dan menjadi begitu besar sehingga ia kelihatan seperti dunia hanya akan mempunyai segelintir kecil syarikat dan akan terdapat oligopoli di dalam semua industri dan perniagaan?" soal beliau.

-- BERNAMA

DVS LPS OS